

SURAH BULAN



Surah: 54 Juzuk: 27 Bil. Ayat: 55

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Saat (berlakunya kiamat) telah dekat dan bulan pun terbelah.⁽¹⁾
2. Jika mereka (kaum musyrik Mekah) melihat suatu mukjizat, mereka berkata inilah sihir yang berterusan.
3. Dan mereka mendustakan (Muhammad dan al-Quran) serta mengikut nafsu mereka, sedangkan setiap urusan⁽²⁾ telah ada ketetapannya.
4. Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka berita-berita (umat yang terdahulu), yang mengandungi perkara yang mencegah mereka (daripada kafir).
5. Hikmah yang cukup sempurna, namun peringatan itu tidak mendatangkan manfaat (kepada mereka).
6. Maka berpalinglah engkau (wahai Muhammad) daripada mereka

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَقْرَبَتِ الْأَسَاءَةُ وَانْشَقَ الْقَمَرُ ﴿١﴾

وَإِنْ يَرُوا إِيمَانَهُ يُعْرِضُوا وَيَقُولُوا إِسْحَارٌ مُّسْتَقِرٌ ﴿٢﴾

وَكَذَّبُوا وَأَبْغَوُا هُوَ أَهُمْ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقِرٌ ﴿٣﴾

وَلَقَدْ جَاءَهُ مِنَ الْأَنْبِيَاءَ مَا فِيهِ مُرْدَجٌ ﴿٤﴾

حِكْمَةٌ بِلِغَةٌ فَمَا لَعِنَ النُّذُرُ ﴿٥﴾

فَتَوَلَّ عَنْهُمْ يَوْمَ يَدْعُ الَّذِينَ إِلَيْهِ شَجَاعَةٌ ﴿٦﴾

1 Saat di sini ialah terjadinya hari kiamat atau kehancuran kaum musyrikin dan terbelah bulan ialah suatu mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.

2 Segala urusan itu pasti berlaku hingga waktu yang ditetapkan terjadinya seperti urusan Rasulullah dalam meninggikan kalimah Allah pasti sampai ke akhirnya, iaitu kemenangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Sedangkan urusan orang yang mendustakannya pasti sampai ke penghujungnya iaitu kekalahan di dunia dan azab di akhirat.

pada hari penyeru (malaikat) mengajak (mereka) kepada sesuatu yang tidak menyenangkan (hari pembalasan).

7. Pandangan mereka tertunduk ketika mereka keluar dari perkuburan. Seakan-akan mereka belalang yang berterbangan.
8. Mereka menuju kepada penyeru itu. Orang yang kafir berkata: Hari ini ialah hari yang sukar.
9. Sebelum mereka, kaum Nuh juga telah mendustakan (rasulnya). Maka mereka mendustakan hamba Kami (Nuh) serta mereka berkata: Dia orang gila! Lalu dia diusir dengan ancaman.
10. Maka dia berdoa kepada Tuhananya dengan berkata: Sesungguhnya aku ini dikalahkan (oleh kaumku yang ingkar), maka menangkanlah aku (terhadap mereka).
11. Maka Kami bukakan pintu-pintu langit dengan menurunkan hujan yang sangat lebat.
12. Dan Kami jadikan bumi itu terbelah lalu ia memancarkan mata air, maka bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan.
13. Dan Kami mengangkatnya (Nuh dan pengikutnya) ke atas (bahtera yang diperbuat) daripada kepingan papan dan paku.

حُسْنًا أَبْصِرُهُمْ بَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجَادِينَ كَانُوكُمْ
جَرَادٌ مُّتَبَشِّرٌ ٧

مُهْطِعِينَ إِلَى الدَّاعَى يَقُولُ الْكَفَرُونَ هَذَا يَوْمٌ
عَسْرٌ ٨

* كَذَبَتْ قَاتِلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ فَكَذَبُوا عَبْدَنَا وَقَالُوا
مَجْنُونٌ وَأَدْجَرَ ٩

فَدَعَاهُمْ بِهِ مَغْلُوبٌ فَانْتَصَرَ ١٠

فَفَتَحْنَا لَيْلَةً أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا مُنْهَمِّرٌ ١١

وَفَجَرَنَا الْأَرْضَ عَيْنُونَا فَالْتَّقَى الْمَاءُ عَلَى أَفْرِيرٍ
قَدْ قُدِرَ ١٢

وَحَمَلْنَاهُ عَلَى دَارِ الْوَحْى وَدُسْرٍ ١٣

- 14.** Yang belayar dengan pengawasan Kami sebagai balasan bagi orang yang kafir.
- 15.** Sesungguhnya Kami telah tinggalkan bahtera itu sebagai satu tanda yang menjadi pengajaran, maka adakah orang yang muahu mengambil pengajaran?
- 16.** Maka betapa dahsyatnya azabKu dan peringatanKu!
- 17.** Sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Quran itu menjadi peringatan, maka adakah sesiapa yang muahu mengambil pengajaran (daripadanya)?
- 18.** Kaum ‘Aad telah mendustakan rasulnya (lalu mereka dibinasakan). Maka perhatikanlah, betapa dahsyatnya azabKu dan peringatanKu!
- 19.** Sesungguhnya Kami telah menghantarkan kepada mereka angin yang sangat kencang, pada hari naħas yang berterusan.
- 20.** Yang menyebabkan manusia bergelimpangan, mereka bagaikan pohon-pohon kurma yang tumbang dengan akarnya.
- 21.** Maka perhatikanlah, betapa dahsyatnya azabKu dan peringatanKu!
- 22.** Sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Quran itu menjadi peringatan, maka adakah

تَجْرِي بِأَعْيُنَابْحَارَةٍ لَمَنْ كَانَ فَهَرَ ﴿١٤﴾

وَلَقَدْ تَرَكْنَاهَا آيَةً فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ ﴿١٥﴾

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

وَلَقَدْ يَسَرَنَا الْقُرْآنَ لِلَّذِكِيرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ ﴿١٧﴾

كَذَّبَتْ عَادٌ فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿١٨﴾

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرِيفًا فِي يَوْمٍ مَّحْبِسٍ

مُّشَتَّمٍ ﴿١٩﴾

تَزَعَّجُ النَّاسُ كَمَنْهُمْ أَغْبَرُ خَلِيٌّ مُّنْقَعِرٍ ﴿٢٠﴾

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢١﴾

وَلَقَدْ يَسَرَنَا الْقُرْآنَ لِلَّذِكِيرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ ﴿٢٢﴾

sesiapa yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya)?

23. Kaum Thamud telah mendustakan peringatan (yang disampaikan oleh Soleh).
24. Maka mereka berkata: Patutkah kita mengikut manusia (biasa) seperti kita? Jika demikian, sesungguhnya kita berada dalam keadaan sesat dan gila.
25. Patutkah wahu itu diturunkan kepadanya (sedangkan orang yang lebih layak ada) di antara kita. Bahkan dia seorang pendusta lagi sompong.
26. Kelak mereka akan mengetahui siapakah yang berdusta lagi sompong itu.
27. Sesungguhnya Kami menghantarkan unta betina sebagai ujian untuk mereka. Maka tunggulah dan bersabarlah (terhadap tentangan mereka).
28. Dan khabarkanlah kepada mereka, bahwasanya air (telaga) dibahagikan di antara mereka (dengan unta) itu, setiap orang berhak mendapat giliran minum.
29. (Mereka merasa bosan dengan unta itu dan bercadang untuk membunuhnya), maka mereka memanggil kawan mereka (yang sanggup membunuhnya), maka dia pun menangkap lalu membunuhnya.

كَذَّبُتْ شَمُودُ بِالنُّدُرِ ﴿٣﴾

فَقَالُوا إِنَّا شَرِكَ مَنَّا وَهُدَىٰ نَّعِيْهُ وَإِنَّا إِذَا لَفِي

ضَلَالٍ وَسُعْيٍ ﴿٤﴾

أَلَّفَنِي الْذِكْرُ عَيْهِ مِنْ بَيْنَ أَبَابِلٍ هُوَ كَذَّابٌ أَشِرٌ ﴿٥﴾

سَيَعْلَمُونَ عَذَابَنِ الْكَذَابِ الْأَشَرِ ﴿٦﴾

إِنَّا أَمْرَسْلُو الْأَنَاقَةَ فِي نَّمَاءٍ لَهُمْ فَارَّقْجَهُمْ

وَأَصْطَلِرِ ﴿٧﴾

وَنَتَعَمَّرُ أَنَّ الْمَاءَ قِسْمَةٌ يَدْهُمُ كُلُّ شَرِبٍ مُعْتَضِرٌ ﴿٨﴾

فَنَادَوْ أَصْحَاجُهُمْ فَعَاطَلَيْ فَقَرَرَ ﴿٩﴾

- 30.** Maka perhatikanlah, betapa dahsyatnya azabKu dan peringatanKu!
- 31.** Sesungguhnya Kami menghantarkan kepada mereka satu pekikan (yang dahsyat), lalu mereka menjadi (hancur) seperti ranting dan daun yang hancur, yang dikumpulkan oleh pemilik kandang binatang ternakan.
- 32.** Sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Quran itu menjadi peringatan, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya)?
- 33.** Kaum Lut telah mendustakan peringatan (yang disampaikan oleh rasulnya).
- 34.** Sesungguhnya Kami kirimkan kepada mereka angin ribut yang membawa batu-batu, kecuali keluarga Lut. Kami selamatkan mereka sebelum fajar menyinsing.
- 35.** Sebagai kurniaan daripada Kami, demikianlah Kami membalas orang yang bersyukur.
- 36.** Sesungguhnya Lut telah memberi peringatan kepada mereka tentang azab Kami, namun mereka tetap mendustakan peringatan-peringatan itu.
- 37.** Dan sesungguhnya mereka telah memujuk Lut (agar menyerahkan) tetamunya, maka Kami butakan

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِي وَنُذُرِ (٣٠)

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ صَيْحَةً وَجَهَةً فَكَانُوا
كَهْشِيمُ الْمُحْتَظِرِ (٣١)

وَلَقَدْ يَسَرْنَا الْقُرْآنَ لِلِّيَّكِ فَهُلْ مِنْ فَدَّاكِ (٣٢)

كَذَبَتْ قَوْمٌ لُوطِ بِالنُّذُرِ (٣٣)

إِنَّا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَاصِبًا إِلَاءَ آلَ لُوطٍ

بِحَجَّتِهِ هُوَ يَسْحَرِ (٣٤)

يَعْمَلُ مَنْ عِنْدَنَا كَذَلِكَ تَجْرِي مَنْ شَكَرِ (٣٥)

وَلَقَدْ أَنْذَرْهُ بِطْشَتَّا فَتَمَارِقًا لِلنُّذُرِ (٣٦)

وَلَقَدْ رَأَوْدُوهُ عَنْ ضَيْفِهِ فَطَمَسْنَا أَعْيُنَهُمْ
فَذَوْقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ (٣٧)

mata mereka, serta (dikatakan kepada mereka): Rasakanlah azabKu dan kesan peringatanKu!

38. Dan sesungguhnya mereka telah ditimpakan azab yang berkekalan pada awal pagi hari (esoknya).
39. Maka (dikatakan kepada mereka): Rasakanlah azabKu dan kesan peringatanKu!
40. Sesungguhnya Kami telah memudahkan al-Quran itu menjadi peringatan, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil pengajaran (daripadanya)?
41. Dan sesungguhnya telah datang pemberi peringatan kepada Firaun dan kaumnya.
42. Mereka telah mendustakan semua mukjizat-mukjizat Kami, maka Kami timpakan azab kepada mereka sebagai seksaan daripada Yang Maha Perkasa lagi Maha Berkuastra.
43. Adakah orang kafir kamu (kaum musyrikin) lebih baik daripada mereka itu? Atau adakah kamu mempunyai jaminan kebebasan (daripada azab) dalam kitab-kitab suci terdahulu?
44. Bahkan mereka akan berkata: Kami ini golongan yang bersatu, yang pasti menang.
45. Kumpulan mereka tetap akan dikalahkan dan mereka akan berundur ke belakang.

وَلَقَدْ صَبَّهُمْ بِكُرَّةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌ ﴿٢٨﴾

فَدُوْقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ ﴿٢٩﴾

وَلَقَدْ يَسَرَّا الْقُرْآنَ لِلَّذِكْرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ ﴿٣٠﴾

وَلَقَدْ جَاءَهُ إِلَّا فِرْعَوْنَ الظَّانِرِ ﴿٣١﴾

كَبُوْرٌ يَأْتِيَنَا أَكْلَهَا فَأَخْذَنَاهُمْ أَخْدَعَنِيزِرٍ
مُّفْتَدِيرٍ ﴿٣٢﴾

أَكْفَارُكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أُولَئِكُمُ الْمُكَبِّرَاتِ ﴿٣٣﴾
أَلْزَبِرٍ ﴿٣٤﴾

أَمْ يَقُولُونَ تَحْنُ حَمِيمٌ مُّنْتَصِرٌ ﴿٣٥﴾

سَيِّهِمْ لِجَمِيعِ رَبِّوْلَوْنَ الْدُّبُرِ ﴿٣٦﴾

- 46.** Bahkan hari kiamat ialah hari yang dijanjikan kepada mereka dan hari kiamat itu lebih dahsyat dan lebih pahit.
- 47.** Sesungguhnya orang yang berdosa akan berada dalam kesesatan (di dunia), dan akan berada di dalam neraka (di akhirat).
- 48.** Pada hari mereka diseret ke dalam neraka (dengan tertiarap) atas muka mereka, (serta dikatakan kepada mereka): Rasakanlah sentuhan api neraka.
- 49.** Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu mengikut takdir (yang telah ditentukan).
- 50.** Dan perintah Kami hanyalah dengan satu (perkataan) bagaikan sekelip mata.
- 51.** Dan sesungguhnya Kami telah membinasakan orang yang sama keadaannya seperti kamu. Maka adakah sesiapa yang mahu mengambil pengajaran?
- 52.** Dan setiap perkara yang mereka telah lakukan juga tercatat dalam buku catatan.⁽¹⁾
- 53.** Setiap perkara yang kecil maupun yang besar tetap tercatat.
- 54.** Sesungguhnya orang yang bertakwa di tempatkan dalam

بِلِّ الْسَّاعَةِ مَوْعِدُهُمْ وَالسَّاعَةُ أَذْهَى وَأَمْرٌ

إِنَّ الْمُجْرِمِينَ فِي ضَلَالٍ وَسُرْعٌ ﴿٤٦﴾

يَوْمَ سُبْحَوْنَ فِي الْتَّارِىلَ وُجُوهُهُمْ دُوْقُوا

مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٧﴾

إِنَّ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَنَا يُقَدَّرٌ ﴿٤٨﴾

وَمَا أَمْرَنَا إِلَّا وَاحِدَةٌ كَلِمَجٌ بِالْبَصَرِ ﴿٤٩﴾

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا أَشْيَا عَجَّلَ فَهَلْ مِنْ

مُذَكَّرٌ ﴿٥٠﴾

وَكُلُّ شَيْءٍ قَوْعُودٌ فِي الْزَّمْرِ ﴿٥١﴾

وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُسْتَطْرٌ ﴿٥٢﴾

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَنَهَرٍ ﴿٥٣﴾

¹ Buku-buku catatan yang ada di tangan malaikat yang mencatat amal perbuatan manusia.

syurga (yang indah) dan
(berdekatan dengan) beberapa
sungai.

55. Di tempat tinggal yang sangat
bahagia, di sisi Tuhan Yang
Memiliki segala-galanya, lagi
Yang Berkuasa melakukan
mengikut kehendakNya.

فِي مَقْدَى صَدِيقٍ عِنْدَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِيرٍ

